

CIMB – Kempen “Live Your Dream” Terma-Terma dan Syarat-Syarat

1. CIMB - Kempen “Live Your Dream” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad (13491-P) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) (“**CIMB Islamic**”) secara bersama-sama. CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic di sini secara kolektif dirujuk sebagai (“**CIMB**”).

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung dari 1 November 2018 sehingga 28 Februari 2019, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB menyimpan haknya apabila memberikan notis terdahulu yang mencukupi empat belas (14) hari kalendar untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen.

Kelayakan dan Kriteria Pendaftaran

4. Kempen ini terbuka kepada semua orang berikut:-
 - (i) pemegang kad kredit utama baru dan sedia ada yang memegang kad kredit (kecuali “Platinum Business Card” CIMB dan Kad “Fuel Tanker”) yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia; dan/atau
 - (ii) pemohon Kad Baru (pelanggan yang tidak memiliki kad kredit yang dikeluarkan oleh CIMB) yang memohon untuk kad kredit utama yang baru (kecuali “Platinum Business Card” CIMB dan Kad “Fuel Tanker”) yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia; danyang merupakan warganegara Malaysia dan mempunyai nombor telefon bimbit yang didaftarkan dengan pembekal perkhidmatan telekomunikasi Maxis, Celcom, Digi atau U-Mobile dan dikekalkan di dalam rekod CIMB (“**Peserta Yang Layak**”). Peserta Yang Layak yang menghantar SMS dari nombor telefon bimbit yang tidak dikekalkan di dalam rekod CIMB tidak layak untuk menyertai Kempen ini. Akaun-akaun kad kredit CIMB baru dan sedia ada Peserta Yang Layak selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “**Akaun Kad Kredit Penyertaan**”.
5. Kategori orang yang berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - i) Kakitangan atau pekerja-pekerja tetap, kontrak dan/atau sambilan *Kumpulan Syarikat CIMB dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik); dan/atau
 - ii) Wakil dan/atau agen-agen (termasuk agen-agen pengiklanan dan promosi) Kumpulan Syarikat CIMB, VISA Worldwide Pte. Limited, sebuah syarikat yang didaftarkan di Singapura yang mempunyai alamat pejabat di 30, Raffles Place, #10-00, Chevron House, Singapore 048622 (“**VISA**”) (termasuk subsidiari mereka dan syarikat-syarikat berkenaan) dan Mastercard Worldwide, sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah State of Delaware, dengan pejabat dan tempat perniagaan utama di 2000 Purchase

Street, Purchase, New York, NY 10577-2509, United States of America (“**Mastercard**”) (termasuk subsidiari mereka dan syarikat-syarikat berkenaan); dan/atau

*Kumpulan Syarikat CIMB bermakna kumpulan syarikat / entiti undang-undang di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat induk muktamad CIMB yang mempunyai kepentingan kawalan, secara langsung atau tidak langsung, samada dengan sendiri atau subsidiari syarikatnya.

6. Untuk menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak mesti mendaftar penyertaan mereka di dalam Kempen ini terdahulu samada:-
 - i) dengan menjawab khidmat pesanan ringkas CIMB (“**SMS**”) yang dihantar kepada nombor telefon bimbit beliau yang dikekalkan di dalam rekod CIMB dan taipkan **LYD** dan hantar kepada 62666 semasa Tempoh Kempen; atau
 - ii) dengan menghantar satu (1) SMS dengan menaip **LYD** <selang> nombor 6 digit terakhir Kad Pengenalan Peserta Yang Layak dan hantar kepada 62666 semasa Tempoh Kempen dengan menggunakan nombor telefon bimbit yang di kekalkan di dalam rekod CIMB; atau
 - iii) dengan mendaftar secara talian di www.cimbbank.com.my/lyd dan/atau www.cimbislamic.com.my/ilyd semasa Tempoh Kempen.
7. Peserta Yang Layak dikehendaki menanggung semua caj telekomunikasi yang dikenakan untuk setiap SMS yang dihantar.
8. Setelah penyertaan Peserta Yang Layak berjaya didaftarkan mengikut Klausa 6 di atas, Peserta Yang Layak akan menerima pengesahan SMS daripada CIMB.
9. Sekiranya pendaftaran SMS tidak lengkap, satu (1) SMS akan dihantar ke nombor telefon bimbit Peserta Yang Layak yang dikekalkan dalam rekod CIMB tanpa sebarang kos untuk memberi notifikasi mendaftar semula melalui SMS. Peserta Yang Layak harus memastikan bahawa mereka telah memasukkan 6 digit terakhir Kad Pengenalan mereka dengan betul di dalam SMS.
10. Setelah Peserta Yang Layak berjaya didaftarkan, semua Akaun Kad Kredit Penyertaan akan dikesan secara automatik untuk mengira penyertaan untuk Kempen ini. Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya Peserta Yang Layak adalah pemegang kad utama yang dikeluarkan oleh CIMB Bank dan CIMB Islamic dan layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, perbelanjaan runcit Peserta Yang Layak dengan menggunakan kad kredit penyertaan yang dikeluarkan oleh CIMB Bank dan CIMB Islamic dan/atau permohonan kad kredit CIMB Bank atau CIMB Islamic baru yang diluluskan dan diaktifkan akan dikumpulkan dan tidak boleh dikira secara berasingan untuk tujuan mendapatkan penyertaan untuk memenangi Hadiah dalam Kempen.

Kriteria Penyertaan

11. Setelah pendaftaran berjaya dilakukan seperti Klausula 6 di atas, Peserta Yang Layak harus:-
- membuat transaksi perbelanjaan runcit (seperti yang ditakrif di dalam Klausula 12 di sini) dengan menggunakan Akaun Kad Kredit Penyertaan; dan/atau
 - memohon dan melakukan transaksi perbelanjaan runcit menggunakan kad kredit utama dan/atau tambahan yang baru dimohon yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia (seperti yang ditakrif dalam Klausula 15 di sini)

dalam cara yang diterangkan di bawah untuk mendapat penyertaan-penyertaan semasa Tempoh Kempen untuk mendapatkan peluang memenangi Hadiah Bulanan dan/atau Hadiah Utama (seperti yang ditakrifkan di dalam Klausula 19 hingga 25 di sini):-

Kriteria Penyertaan	Bilangan Penyertaan
Setiap RM50 mata wang dalam negara dibelanjakan dalam satu resit tunggal (" Perbelanjaan Dalam Negara ")	1 penyertaan
Setiap RM50 atau mata wang asing bersamaan dengannya dalam satu resit tunggal (" Perbelanjaan Luar Negara ")	5 penyertaan
Setiap permohonan Kad Baru dan dengan sekurang-kurangnya tiga (3) transaksi Perbelanjaan Dalam Negara dan/atau Perbelanjaan Luar Negara yang dikumpulkan yang dilakukan dalam Tempoh Kempen (Utama/Tambahan) (" Perbelanjaan Kad Baru ")	10 penyertaan

Perbelanjaan Dalam Negara dan/atau Perbelanjaan Luar Negara hendaklah di sini dirujuk secara kolektif sebagai ("**Transaksi Layak**").

12. Transaksi Layak untuk Kempen hendaklah termasuk perbelanjaan runcit dalam negara, luar negara dan/atau atas talian yang dicajkan ke mana-mana Akaun Kad Kredit Penyertaan Peserta Yang Layak semasa Tempoh Kempen. Transaksi Layak bermaksud transaksi-transaksi pembelian untuk barangan dan perkhidmatan menggunakan Akaun Kad Kredit Penyertaan dan tidak termasuk transaksi-transaksi berikut: _
- Transaksi yang dibuat atas "Platinum Business Card" CIMB dan Kad "Fuel Tanker";
 - Transaksi Tunai Kuasi – (contohnya: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
 - Ansuran bulanan di bawah apa-apa kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB;
 - Perkhidmatan arahan tetap / auto-pembayaran;
 - Pembayaran yuran tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj fraud atau yuran-yuran, caj-caj atau penalti-penalti yang lain samada dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;
 - Transaksi untuk pembayaran yang dibuat terhadap premium insurans dan/atau sumbangan takaful dalam apa jua sekalipun;
 - Transaksi pendahuluan wang / pengeluaran / deposit tunai; dan
 - Transaksi perbelanjaan runcit yang kemudiannya dibatalkan atau dipulangkan, dipertikaikan, tidak dibenarkan atau penipuan.

Sebarang penentuan oleh CIMB berkenaan apa yang merupakan Transaksi Layak adalah konklusif dan tidak boleh dicabar dalam mana-mana cara sekalipun kecuali yang sama dilihat sebagai terlalu tidak adil.

13. Perbelanjaan Luar Negara akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) untuk tujuan pengiraan dan akan berdasarkan kepada kadar pertukaran semasa CIMB. Sekiranya jumlah pembelian Perbelanjaan Luar Negara telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada masa jualan melalui Penukaran Mata Wang Dinamik (Dynamic Currency Conversion), transaksi dalam bentuk ini akan dikategorikan sebagai Perbelanjaan Dalam Negara. Untuk mengelakkan keraguan, suatu transaksi akan dianggap sebagai Perbelanjaan Luar Negara jika kod mata wang di mana transaksi dilakukan adalah dalam mana-mana mata wang asing kecuali Ringgit Malaysia. Mana-mana penentuan oleh CIMB tentang apa merupakan Perbelanjaan Luar Negara adalah konklusif dan tidak harus dicabar dalam apa jua cara, kecuali untuk kesilapan nyata.
14. Transaksi Layak untuk tujuan Kempen ini akan dikira atas jumlah gabungan (utama dan tambahan) perbelanjaan kad kredit setiap Peserta Yang Layak. Sekiranya Peserta Yang Layak mempunyai pelbagai akaun kad kredit, Transaksi Layak yang dilakukan atas semua Akaun Kad Kredit Penyertaan termasuk akaun kad kredit utama dan tambahan akan digabungkan dan tidak diambil secara individu. Sila rujuk kepada contoh di bawah.

Contoh:

Akaun Kad Kredit Penyertaan Peserta Yang Layak A mempunyai 1 kad kredit utama CIMB dan 2 kad kredit tambahan CIMB. Semua Transaksi Layak menggunakan mana-mana kad kredit tersebut yang memenuhi kriteria perbelanjaan runcit akan dikumpul untuk mengira jumlah penyertaan yang layak untuk Kempen.

15. Untuk mengelakkan keraguan, Perbelanjaan Kad Baru semasa Tempoh Kempen hendaklah termasuk yang berikut: -
 - i) Pemohon yang tidak mempunyai sebarang kad kredit utama dan/atau tambahan CIMB sebelum Kempen ini dan mengemukakan permohonan untuk kad kredit utama dan/atau tambahan CIMB (kecuali "Platinum Business Card" CIMB dan Kad "Fuel Tanker") semasa Tempoh Kempen; dan/atau
 - ii) Pemohon yang telah membatalkan kad kredit utama dan/atau tambahan CIMB lebih daripada enam (6) bulan dari tarikh kelulusan kad kredit utama dan/atau tambahan CIMB yang baru dimohon (kecuali "Platinum Business Card" CIMB dan Kad "Fuel Tanker") semasa Tempoh Kempen;

yang membuat sekurang-kurangnya tiga (3) Transaksi Layak menggunakan kad kredit utama dan/atau tambahan CIMB mereka yang baru dimohon dalam Tempoh Kempen ini. Sila rujuk kepada contoh dibawah:-

Contoh:

Peserta Yang Layak	Bilangan kad kredit sebelum Tempoh Kempen	Permohonan kad kredit baru semasa Tempoh Kempen	Permohonan kad kredit utama/ tambahan	Minimum 3 Transaksi yang Layak dilakukan semasa Tempoh Kempen	Bilangan penyertaan yang diperolehi	Jumlah bilangan penyertaan yang diperolehi
A	0	Kad Kredit CIMB Platinum	Utama	Ya	10	10
B	0	Kad Kredit CIMB Platinum	Utama	Ya	10	20
		Kad Kredit CIMB Cash Rebate Platinum	Utama	Ya	10	
C	0	Kad kredit CIMB Platinum	Utama	Ya	10	10
		Kad Kredit CIMB Cash Rebate Platinum	Utama	Tiada	0	
D	1	Kad kredit CIMB Platinum	Tambahan	Ya	10	10
E	1	Kad kredit CIMB Platinum	Tambahan	Ya	10	20
		Kad Kredit CIMB Cash Rebate Platinum	Tambahan	Ya	10	
F	1	Kad kredit CIMB Platinum	Tambahan	Ya	10	10
		Kad Kredit CIMB Cash Rebate Platinum	Tambahan	Tiada	0	

16. CIMB menyimpan haknya untuk meluluskan atau menolak sebarang permohonan kad kredit dan/atau meminta sebarang dokumen sokongan lanjut sebagaimana yang difikirkan patut olehnya. Untuk mengelakkan keraguan, CIMB mempunyai budi bicara tunggal dan mutlak untuk menentukan sama ada dokumen sokongan adalah mencukupi untuk tujuan memproses permohonan kad kredit yang dikemukakan kepada CIMB.
17. Pengesanan Transaksi Layak dan/atau Perbelanjaan Kad Baru adalah berdasarkan kepada tarikh dan/atau masa (waktu Malaysia) yang ditangkap dalam rekod-rekod CIMB semasa Tempoh Kempen.
18. CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kegagalan dan/atau kelewatan penghantaran bukti sebarang transaksi oleh VISA, Mastercard, peniaga-peniaga atau mana-mana pihak lain.

Hadiah-Hadiah

19. Butiran-Butiran Hadiah-Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama adalah seperti yang ditakrifkan di Klausa-Klausa 20 hingga 25 di sini.

Hadiah Bulanan

20. Butiran-Butiran untuk Bulan Penyertaan, Hadiah Bulanan bagi setiap pemenang dan bilangan pemenang-pemenang Hadiah Bulanan adalah seperti berikut:-

Bulan Penyertaan	Hadiah Bulanan setiap pemenang	Bilangan Pemenang Hadiah Bulanan
1 – 30 November 2018	<ul style="list-style-type: none"> • Percutian perjalanan ditanggung sepenuhnya untuk 2 orang ke Tokyo, Jepun bernilai RM15,000; dan • RM5,000 wang perbelanjaan 	5
1 – 31 Disember 2018	<ul style="list-style-type: none"> • Percutian perjalanan ditanggung sepenuhnya untuk 2 orang ke Paris, Perancis bernilai RM15,000; dan • RM5,000 wang perbelanjaan 	5
1 – 31 Januari 2019	<ul style="list-style-type: none"> • Percutian perjalanan ditanggung sepenuhnya untuk 2 orang ke Maldives bernilai RM15,000; dan • RM5,000 wang perbelanjaan 	5
1 – 28 Februari 2019	<ul style="list-style-type: none"> • Percutian perjalanan ditanggung sepenuhnya untuk 2 orang ke Melbourne, Australia bernilai RM15,000; dan • RM5,000 wang perbelanjaan 	5
Jumlah		20

Percutian-percutian perjalanan ditanggung sepenuhnya disini dikenali secara kolektif sebagai (“Percutian-Percutian”)

21. Butiran-Butiran Hadiah Bulanan adalah seperti berikut:-

- i) Percutian-Percutian ke Jepun, Perancis, Maldives dan/atau Australia akan dalam bentuk baucar pelancongan yang boleh digunakan oleh pemenang Hadiah Bulanan untuk menebus Percutian-Percutian.
- ii) Butiran-butiran Percutian-Percutian adalah seperti berikut:-

Destinasi	Tempoh	Susunan Percutian-Percutian
Tokyo, Jepun	6 Hari 4 Malam	<p>Hari 1: i) Berlepas dari Malaysia ke Tokyo dengan Malaysia Airlines.</p> <p>Hari 2: i) Tiba di Tokyo dan berpindah ke hotel– Shinagawa Prince Hotel. ii) Menjelajahi Tokyo dengan pas Hop on & Off 1 hari. iii) Menikmati makanan tengah hari selamat datang Kaiseki sahih di suatu Restoran Michelin Star.</p> <p>Hari 3: i) Mengunjungi Tsukiji Market visit dan bengkel membuat sushi “hands-on” dengan makan tengah hari (Sekiranya Tsukiji Market tutup dan tidak boleh dilawati, pengaturan bengkel membuat sushi “hands-on” dengan makan tengah hari masih akan diteruskan).</p> <p>Hari 4: i) Pelancongan berpandu Gunung Fuji seharian dengan makan tengah hari makanan laut.</p> <p>Hari 5: i) Mengalami pandangan dekat latihan lawan pagi ahli gusti Sumo (Pelancongan tiada semasa tempoh pertandingan Sumo dan akan digantikan dengan persiaran pelancongan berpandu bandar Tokyo seharian).</p> <p>Hari 6: i) Berlepas dari Tokyo – berpindah ke lapangan terbang untuk penerbangan kembali ke Malaysia.</p>

Paris, Perancis	5 Hari 3 Malam	<p>Hari 1:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Berlepas dari Malaysia ke Paris dengan Qatar Airways. ii) Ketibaan di Paris dan pemindahan persendirian dari lapangan terbang ke hotel- Novotel Paris. iii) Makan malam selamat datang di Menara Eiffel dan Pelayaran Seine River untuk menikmati pemandangan terbaik Paris. <p>Hari 2:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Memulakan hari dengan pelancongan persendirian sekitar Paris 2 jam dengan orang Paris tempatan. ii) Pelancongan berpandu kedai roti "<i>hands-on</i>". <p>Hari 3:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) "<i>Free and easy</i>" di waktu pagi. ii) Pertunjukan kabaret yang terkenal- The Crazy Horse. <p>Hari 4:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Berlepas dari Paris- pemindahan ke lapangan terbang untuk penerbangan kembali ke Malaysia. <p>Hari 5:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Ketibaan di Malaysia
Maldives	5 Hari 3 Malam	<p>Hari 1:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Belepas dari Malaysia ke Maldives dengan Air Asia. ii) Ketibaan di Maldives dan pemindahan melalui bot laju ke hotel– Centara Ras Fushi Resort & Spa. <p>Hari 2:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pilihan satu aktiviti berbayar- Pelancongan 30 minit kapal selam separuh; atau pelancongan bandar Male; atau pelancongan memancing matahari terbenam; atau pelancongan snorkeling ikan yu terumbu karang; atau perlancongan snorkeling ikan pari; atau pengalaman parasailing 15 minit; atau luncur angin 1 jam; atau pelajaran katamaran 1 jam. <p>Hari 3:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pilihan satu aktiviti berbayar- Pelancongan 30 minit kapal selam separuh; atau pelancongan bandar Male; atau pelancongan memancing matahari terbenam; atau pelancongan snorkeling ikan yu terumbu karang; atau pelancongan snorkeling ikan pari; atau pengalaman parasailing 15 minit; atau luncur angin 1 jam; atau pelajaran katamaran 1 jam.

		<p>Hari 4: i) Berlepas dari Maldives- pemindahan ke lapangan terbang untuk penerbangan kembali ke Malaysia.</p> <p>Hari 5: i) Ketibaan di Malaysia</p>
Melbourne , Australia	5 Hari 3 Malam	<p>Hari 1: i) Berlepas dari Malaysia ke Melbourne dengan Malaysia Airlines.</p> <p>Hari 2: i) Ketibaan di Melbourne dan pemindahan persendirian ke hotel– The Swanston Hotel Grand Mercure. ii) Pengalaman penerbangan helikopter 30 minit Melbourne. iii) Makan Malam mewah (<i>fine dining</i>) di Colonial Tramcar.</p> <p>Hari 3: i) Pelancongan berpandu seharian penuh ke Gunung Buller untuk pengalaman musim sejuk (semasa musim bukan-sejuk, aktiviti ini akan digantikan dengan pelancongan Penguin Pulau Phillip).</p> <p>Hari 4: i) Pelancongan berjalan Melbourne Foodie.</p> <p>Hari 5: i) Berlepas dari Melbourne – pemindahan ke lapangan terbang untuk penerbangan kembali ke Malaysia.</p>

- iii) Tempoh penebusan dan/atau pelancongan untuk Percutian-Percutian adalah dari 1 April 2019 sehingga 31 Mac 2020. Kegagalan untuk menebus Percutian-Percutian dan/atau melancong dalam tempoh tersebut akan menyebabkan Percutian-Percutian dilucuthakkan dan/atau tidak tersedia untuk pemenang-pemenang Hadiah Bulanan.
- iv) CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas pengaturan Percutian-Percutian yang dinyatakan di Klausu 21 (ii) yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penerbangan-penerbangan, aktiviti-aktiviti, tempat-tempat penginapan dan/atau pengangkutan-pengangkutan dan pengaturan tersebut adalah tertakluk kepada perubahan. CIMB tidak menerima sebarang liabiliti untuk apa-apa perubahan dan/atau pembatalan mana-mana pengaturan tersebut.
- v) Pemenang-pemenang Hadiah Bulanan adalah bertanggungjawab, jika berkenaan, untuk dokumen-dokumen dan kos-kos tambahan dan perbelanjaan-perbelanjaan yang diperlukan untuk Percutian-Percutian seperti tetapi tidak terhad kepada passport-pasport, visa-visa, permit-permit, caj bagasi berlebihan, penukaran-penukaran penerbangan, insurans, wang perbelanjaan tambahan, caj sampingan (seperti mini-bar, panggilan telefon, bil bar, filem dalam bilik, atau perbelanjaan dobi), dan item lain-lain yang tidak dinyatakan secara nyata di dalam terma-terma dan syarat-syarat ini untuk

termasuk di dalam Percutian-Percutian. CIMB tidak bertanggungjawab untuk memperolehi dokumen-dokumen tersebut bagi pihak pemenang-pemenang Hadiah Bulanan mahupun bertanggungjawab untuk menyediakan penggantian atau hadiah gantian sekiranya pemenang-pemenang Hadiah Bulanan gagal untuk memperolehi dokumen-dokumen sedemikian dan/atau kos-kos dan perbelanjaan-perbelanjaan tambahan.

- vi) Tempahan-tempahan bagi Percutian-Percutian harus dibuat sekurang-kurangnya dua (2) minggu atau empat belas (14) hari sebelum hari perlepasan untuk tempoh biasa. Tiga (3) minggu atau dua puluh satu (21) hari tempoh tempahan awal akan diperlukan semasa musim puncak dan/atau cuti sekolah.
 - vii) Sebarang dan kesemua tempahan, pengaturan, perubahan-perubahan dan/atau aduan-aduan harus dibuat menerusi Diners World Travel Sdn. Bhd. melalui telefon di +603-27120200 atau emel kepada enquiry@dinersclub.com.my.
 - viii) Kesemua perkhidmatan adalah tertakluk kepada ketersediaan mengikut kelas dan kategori seperti yang dinyatakan di Klausa 21 (ii).
 - ix) Sebaik sahaja tempahan-tempahan Percutian-Percutian disahkan, sebarang penukaran dan/atau pembatalan akan tertakluk kepada penalti pembatalan dan/atau bayaran pindaan ejen.
 - x) Apa-apa kos pembelian melebihi nilai Percutian-Percutian harus ditanggung oleh pemenang-pemenang Hadiah Bulanan.
 - xi) Kesemua perkhidmatan adalah tertakluk kepada perubahan dan/atau penggantian dalam keadaan dimana perkhidmatan-perkhidmatan tidak lagi beroperasi dan/atau tiada lagi. Wang perbelanjaan RM5,000.00 ("**Wang Perbelanjaan**") akan didepositkan ke dalam akaun semasa dan/atau simpanan CIMB pemenang-pemenang Hadiah Bulanan dalam dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen. Pemenang-pemenang Hadiah Bulanan yang tidak mempunyai akaun semasa/simpanan CIMB perlu membuka akaun baru dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen. Kegagalan untuk berbuat demikian mungkin menyebabkan Wang Perbelanjaan dilucuthakkan dan/atau tidak didepositkan kepada pemenang-pemenang Hadiah Bulanan. Wang Perbelanjaan tersebut tidak boleh dipindahkan kepada pihak ketiga.
22. Peserta Yang Layak layak untuk mendapatkan dan mengumpul penyertaan-penyertaan bermula hari pertama (1^{hb}) setiap Bulan Penyertaan untuk berpeluang untuk memenangi satu (1) daripada lima (5) Hadiah-Hadiah Bulanan yang diberikan setiap Bulan Penyertaan selagi Peserta Yang Layak mendaftar dalam Bulan Penyertaan yang sama. Sila rujuk kepada contoh dibawah:-

Peserta Yang Layak	Tarikh Pendaftaran	Bulan Penyertaan layak untuk Hadiah Bulanan	Tempoh pengumpulan Penyertaan untuk Hadiah Bulanan
A	1 November 2018	1 - 30 November 2018	1 - 30 November 2018
		1 - 31 Disember 2018	1 - 31 Disember 2018
		1 - 31 Januari 2019	1 - 31 Januari 2019
		1 - 28 Februari 2019	1 - 28 Februari 2019
B	10 Disember 2018	1 - 31 Disember 2018	1 - 31 Disember 2018
		1 - 31 Januari 2019	1 - 31 Januari 2019
		1 - 28 Februari 2019	1 - 28 Februari 2019
C	20 Januari 2019	1 - 31 Januari 2019	1 - 31 Januari 2019
		1 - 28 Februari 2019	1 - 28 Februari 2019
D	28 Februari 2019	1 - 28 Februari 2019	1 - 28 Februari 2019

23. Peserta Yang Layak layak untuk memenangi maksimum hanya satu (1) daripada dua puluh (20) Hadiah-Hadiah Bulanan tersebut sepanjang Tempoh Kempen.

Hadiah Utama

24. Butiran-butiran Hadiah Utama dan bilangan pemenang Hadiah Utama sepanjang Tempoh Kempen adalah seperti berikut:-

Hadiah Utama	Jumlah Pemenang Hadiah Utama Sepanjang Tempoh Kempen
<ul style="list-style-type: none"> Satu (1) unit M Centura Service Suites bernilai kira-kira RM512,500*. <p>* Nilai yang dinyatakan diatas adalah dianggarkan dan tidak konklusif dan bukan berdasarkan apa-apa penilaian rasmi yang dibuat oleh CIMB.</p> <ul style="list-style-type: none"> Butiran-butiran adalah seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> i) Nama Projek: M Centura ii) Kasar kawasan yang dibangunkan : Lebih kurang 850 kaki persegi** iii) Projek oleh: Mah Sing Group Berhad iv) Dimajukan oleh: Cosmowearth Housing Development Sdn Bhd <p>** Saiz yang dinyatakan di atas adalah anggaran dan berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Pemaju dan yang sama tidak dijamin oleh CIMB sebagai tepat.</p>	1
Jumlah	1

25. Peserta Yang Layak layak untuk mendapatkan dan mengumpul penyertaan-penyertaan bermula hari pertama (1^{hb}) setiap Bulan Penyertaan untuk berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama

tidak kira tarikh pendaftarannya dengan syarat pendaftaran dilakukan dalam Tempoh Kempen. Sila rujuk kepada contoh dibawah:-

Contoh:

Peserta Layak	Tarikh Pendaftaran	Tempoh Pengumpulan Penyertaan untuk Hadiah Utama
A	1 November 2018	1 November 2018 - 28 Februari 2019
B	28 Februari 2019	1 November 2018 - 28 Februari 2019

Proses Pemilihan Pemenang

26. Selepas tamat Tempoh Kempen, Peserta Yang Layak akan dipilih secara rawak melalui suatu sistem pemilihan automatik berdasarkan kepada penyertaan yang diperolehi oleh Peserta Yang Layak semasa Tempoh Kempen, untuk Hadiah berikut:-

i) **Hadiah Bulanan**

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, sistem automatik CIMB akan menjana lima (5) pemenang berpotensi untuk setiap Bulan Penyertaan yang dirujuk dalam Klausula 20 dan 22 disini berdasarkan kepada jumlah penyertaan yang diperolehi semasa Bulan Penyertaan ("**Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi**"). Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi akan dihubungi melalui telefon di nombor telefon bimbit mereka yang dikekalkan di rekod CIMB dalam masa tiga (3) minggu selepas akhir setiap Bulan Penyertaan dan dikehendaki menjawab dua (2) soalan dengan betul sebelum diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Bulanan masing-masing. Sekiranya percubaan pertama untuk menghubungi Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi gagal, i.e. kerana sebab-sebab seperti tidak dijawab, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab yang lain, dua (2) lagi percubaan akan dibuat untuk menghubungi Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi. Dimana cubaan kali ketiga adalah tidak berjaya, Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi tersebut akan dilucuthakkan dan tidak berhak untuk memenangi Hadiah Bulanan tersebut. Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi yang baru akan dipilih sekali lagi untuk menggantikan Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi yang dibatalkan kelayakannya tersebut.

ii) **Hadiah Utama**

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, sistem automatik CIMB akan menjana satu (1) pemenang berpotensi yang dirujuk di bawah Klausula 24 and 25 disini berdasarkan kepada jumlah penyertaan yang diperolehi sepanjang Tempoh Kempen ("**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**"). Pemenang Hadiah Utama Berpotensi akan dihubungi menerusi telefon di nombor telefon bimbit mereka yang dikekalkan di rekod CIMB dalam masa dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen dan dikehendaki menjawab dua (2) soalan dengan betul sebelum diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama. Sekiranya panggilan cubaan pertama kepada Pemenang Hadiah Utama Berpotensi gagal, oleh sebab seperti tiada jawapan, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau sebab-sebab lain, dua (2) lagi cubaan akan

dibuat untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama Berpotensi. Sekiranya cubaan kali ketiga tidak berjaya, Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tersebut akan dilucuthak dan tidak berhak memenangi Hadiah Utama tersebut. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang baru akan dipilih sekali lagi untuk menggantikan Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang dibatalkan kelayakannya tersebut.

27. CIMB mempunyai hak tunggal untuk menetapkan hari bekerja (Isnin – Jumaat) dan masa (9 pagi – 6 petang) untuk membuat panggilan telefon kepada Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi dan/atau Pemenang Hadiah Utama Berpotensi ("**Pemenang-Pemenang Berpotensi**"). CIMB tidak bertanggungjawab untuk panggilan yang dibuat kepada Pemenang-Pemenang Berpotensi yang (i) tidak lengkap atau terputus kerana apa-apa sebab; (ii) tidak dijawab atau tidak diteruskan kerana ketiadaan Pemenang-Pemenang Berpotensi pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau apa-apa sebab lain. Ia merupakan tanggungjawab Peserta Yang Layak untuk memastikan bahawa nombor telefon yang diberikan oleh mereka adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB sekiranya terdapat sebarang perubahan yang dibuat oleh Peserta Yang Layak. CIMB menyimpan hak untuk merekod perbualan telefon ini.
28. Semasa memilih pemenang Kempen, Akaun Kad Kredit Penyertaan untuk Peserta Yang Layak yang terpilih HARUS dalam keadaan baik dan TIDAK melanggar sebarang terma-terma dan syarat-syarat perjanjian kad kredit CIMB atau tertunggak, dan/atau tidak sah atau dibatalkan sekiranya tidak, mereka akan dilucuthak dari menyertai atau dipilih sebagai pemenang Kempen.
29. Peserta Yang Layak adalah layak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah Bulanan dan satu (1) Hadiah Utama semasa Tempoh Kempen.

Proses Pemenuhan Hadiah-Hadiah

30. Pemenang Hadiah Bulanan akan menerima surat notifikasi CIMB dan/atau emel dan/atau panggilan telefon di nombor telefon bimbit mereka yang dikekalkan di dalam rekod CIMB dalam masa tiga (3) minggu selepas setiap Bulan Penyertaan untuk mengaturkan pemenuhan Hadiah Bulanan dan/atau majlis penyampaian hadiah.
31. Seperti yang dinyatakan di Klausula 21 (i) hingga (xiii) di sini, pemenang-pemenang Hadiah Bulanan harus menghubungi Diners World Travel Sdn. Bhd. untuk menebus dan membuat tempahan untuk Percutian-Percutian mereka.
32. Pemenang Hadiah Utama akan menerima surat notifikasi CIMB dalam masa dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
33. Pemenang Hadiah Utama harus mematuhi terma-terma tambahan berikut:
 - (i) Pemenang Hadiah Utama harus menandatangani dan memulangkan kepada pemaju perjanjian jual beli (sale and purchase agreement) pemaju yang biasa, surat perjanjian bersama (deed of mutual covenants) dan semua dokumen yang berkaitan sepertimana yang dikehendaki oleh pemaju pada atau sebelum 31 Mei 2019 atau mana-mana tarikh yang ditetapkan oleh CIMB dan diberitahu oleh CIMB kepada pemenang dan mematuhi terma-terma dokumen-dokumen tersebut;

- (ii) Pemenang Hadiah Utama harus menandatangani surat ikatan penyerahan hak dalam format yang diterima oleh CIMB memberikan hak bayaran balik harga pembelian atau mana-mana bahagiannya di bawah perjanjian jual beli Hadiah Utama termasuk sebarang kepentingan, pampasan atau ganti rugi dibayar oleh pemaju (sekiranya ada) ("Hak Bayaran Balik") kepada CIMB dan pemenang tidak berhak kepada Hak Bayaran Balik atau apa-apa tuntutan atau pampasan yang timbul dari Hak Bayaran Balik;
- (iii) Pemenang Hadiah Utama harus mempunyai kapasiti undang-undang penuh untuk memiliki Hadiah Utama dan tidak dilarang oleh sebarang undang atau peraturan untuk memiliki Hadiah Utama;
- (iv) Hadiah Utama adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan kategori kegunaan tanah yang nyata atau tersirat atau dikenakan ke atas Hadiah Utama. Pemenang Hadiah Utama bertanggungjawab, dalam kos dan perbelanjaannya sendiri, untuk mendapatkan semua kelulusan yang diperlukan (jika berkenaan) daripada pihak berkuasa yang berkenaan untuk pindahmilik Hadiah Utama kepada Pemenang Hadiah Utama. CIMB tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara sekiranya pemenang tidak mendapat kelulusan yang diperlukan untuk pindahmilik Hadiah Utama kepada beliau atau Hadiah Utama tidak boleh dipindahmilik kepada pemenang atas apa jua sebab;
- (v) saiz Hadiah Utama yang dinyatakan di atas adalah anggaran sahaja dan tidak dijamin sebagai tepat. CIMB tidak bertanggungjawab untuk sebarang percanggahan saiz dalam Hadiah Utama;
- (vi) melainkan dari harga pembelian Hadiah Utama yang akan ditanggung oleh CIMB, semua duti setem, yuran guaman, yuran pembayaran, yuran pendaftaran, yuran pemprosesan, caj perkhidmatan, caj penyelenggaraan dan semua kos dan caj sampingan yang ditanggung untuk memiliki Hadiah Utama atau kos-kos penyediaan untuk dokumen-dokumen sampingan lain yang berkaitan, akan ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama, sekiranya ada. Hak kepada Hadiah Utama akan dilucut sekiranya Pemenang Hadiah Utama gagal membayar yuran-yuran dan caj-caj dalam masa yang ditetapkan atau gagal memenuhi terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan untuk Hadiah Utama (termasuk tetapi tidak terhad kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan oleh pemaju);
- (vii) semua cukai hartanah semasa dan masa depan (seperti cukai tanah dan cukai pintu), insurans, dan semua cukai lain, kos pengubahsuaian, utiliti, wang keluar, kos-kos, yuran-yuran dan perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan dengan penyelenggaraan Hadiah Utama adalah tanggungjawab penuh Pemenang Hadiah Utama bermula dari tarikh Pemenang menerima Hadiah Utama dari CIMB;
- (viii) sekiranya harga pasaran Hadiah Utama atas apa jua sebab adalah lebih rendah daripada harga / nilai belian yang dinyatakan di atas, CIMB tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara untuk perbezaan antara harga pasaran dan harga / nilai belian dan Pemenang Hadiah Utama tidak layak membuat sebarang tuntutan untuk perbezaan tersebut;
- (ix) Hadiah Utama adalah dalam pembangunan dan akan disiapkan dalam tempoh masa yang dinyatakan di dalam perjanjian jual beli;
- (x) Pemenang Hadiah Utama TIDAK dibenarkan untuk mencalon orang / entiti lain untuk menerima Hadiah Utama; dan
- (xi) sekiranya Pemenang Hadiah Utama gagal mematuhi secara tegas terma-terma dan syarat-syarat di sini, CIMB menyimpan hak untuk membatalkan Hadiah Utama terhadap pemenang tersebut dan memilih Pemenang Hadiah Utama lain. Dalam peristiwa seperti ini, CIMB tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk sebarang kos atau kehilangan yang ditanggung oleh pemenang tersebut.

34. Pemenang-Pemenang Hadiah Bulanan dan Pemenang Hadiah Utama (“**Pemenang-Pemenang**”) bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB untuk mendedahkan maklumat-maklumat mereka (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat) kepada pemaju/ ejen yang akan menghubungi Pemenang-Pemenang berkenaan penghantaran atau penebusan Hadiah Bulanan dan/atau Hadiah Utama (“**Hadiah-Hadiah**”). Pemenang-Pemenang bertanggungjawab untuk membuat susunan yang perlu dengan CIMB dan/atau pemaju / ejen untuk memungut atau menebus Hadiah-Hadiah mereka. CIMB tidak bertanggungjawab untuk membayar kos penginapan dan/atau pengangkutan dan/atau kos lain yang dibayar atau harus dibayar oleh pemenang-pemenang semasa menebus atau menggunakan Hadiah-Hadiah
35. Pemenang-Pemenang mungkin dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain sebagaimana dan apabila dikehendaki atas kos dan perbelanjaan sendiri. Sekiranya Pemenang Hadiah Utama gagal menghadiri majlis dan/atau program publisiti tanpa sebab-sebab yang sah, CIMB menyimpan hak untuk melucuthak hadiah pemenang dan memilih pemenang lain.
36. Semua Hadiah Utama tidak boleh dipindahkan ke pihak ke-3, ditukar dengan wang tunai atau hadiah yang berbeza atau hadiah yang sama atau apa-apa alternatif lain dalam apa jua keadaan.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

37. Imej Hadiah yang ditunjukkan dalam sebarang kolateral pemasaran dan/atau iklan adalah untuk tujuan visual sahaja dan mungkin berbeza daripada Hadiah sebenar yang diterima. Peserta Yang Layak tidak dibenarkan untuk memilih atau menukar Hadiah-Hadiah.
38. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB secara nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, waranti atau pengendorsan, secara tersirat ataupun tersurat, bertulis atau lisan, bagi semua Hadiah dan tidak akan menanggung apa-apa tanggungjawab terhadap Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Hadiah.
39. Hadiah adalah ditawarkan dan/atau dibekalkan semata-mata oleh pemaju/ejen yang berkenaan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh pemaju/ejen tersebut dan CIMB tidak menerima sebarang tanggungjawab (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, barbangkit, teladan, punitif atau gantirugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walaubagaimana timbul samada secara kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya berkaitan dengan Hadiah, walaupun CIMB telah dinasihatkan mengenai kemungkinan ganti rugi sedemikian terlebih dahulu, dan semua ganti rugi sedemikian adalah dikecualikan secara nyata.
40. Dengan menerima Hadiah, Peserta Yang Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen mereka masing-masing daripada apa-apa tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerosakan, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang ditanggung oleh CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen mereka masing-masing berkenaan dengan penyertaan Peserta Yang Layak tersebut dalam Kempen ini

atau penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah. Semua risiko, kerugian atau kerosakan berkenaan dengan penggunaan Hadiah akan ditanggung oleh Peserta Yang Layak.

41. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Hadiah. Hadiah tidak pernah diperakui oleh CIMB dan kemasukan Hadiah dalam Kempen ini tidak akan dalam apa-apa keadaan diertikan sebagai endorsmen atau cadangan Hadiah oleh CIMB. Liabiliti CIMB berhubung dengan Hadiah hanya untuk membayar harganya kepada pemaju/ejen.
42. CIMB tidak menerima apa-apa tanggungjawab bagi apa-apa implikasi percukaian yang boleh timbul daripada Hadiah atau penggunaannya. Apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Hadiah akan kekal menjadi tanggungjawab tunggal Peserta Yang Layak. Ia adalah tanggungjawab setiap Pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas berkenaan dengan implikasi berpotensi yang mungkin wujud ke atas keadaan kewangan beliau.
43. Pemenang Kempen ini akan berdasarkan budi bicara tunggal dan mutlak CIMB dikehendaki menghadiri dan mengambil bahagian dalam upacara pemberian hadiah dan/atau acara lain yang berkenaan yang dianjurkan oleh CIMB (jika ada) dan jika Pemenang gagal menghadiri upacara dan/atau acara, CIMB berhak untuk menarik balik Hadiah dan memilih Pemenang lain.
44. CIMB menyimpan hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman mana-mana Pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai olehnya. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju bahawa CIMB adalah bebas untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang tanpa pampasan bagi tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidakpatuhan boleh menyebabkan Pemenang alternatif dipilih.
45. Ia adalah tanggungjawab tunggal Pemenang untuk memastikan bahawa nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat ("**Maklumat Hubungan**") yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB jika terdapat perubahan yang dibuat oleh mereka. CIMB menyimpan hak untuk menarik balik Hadiah sekiranya Maklumat Hubungan Pemenang yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemaskini. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemenang untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang mengalir daripadanya) yang dialami atau ditanggung jika Maklumat Hubungan yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah bukan terkini atau tidak betul.
46. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma & Syarat-Syarat ini serta memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang terdapat di www.cimbbank.com.my dan/atau www.cimbislamic.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang diberikan dan penentuan Pemenang, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.
47. Akaun Kad Kredit Penyertaan Peserta Yang Layak (i) MESTI TIDAK memungkirkan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Akaun Kad Kredit Penyertaan yang hendaklah

digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat di sini DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pemenuhan Hadiah, jika tidak Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan ditarik balik.

48. CIMB menyimpan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang ia tentukan akan mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkiri atau berpotensi memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
49. CIMB menyimpan hak untuk menggantikan Hadiah dengan mana-mana barangan yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Yang Layak. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini oleh CIMB tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Yang Layak atau mana-mana jua orang lain kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini.
50. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajibannya di sini, disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, perang, mogok, rusuhan, apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB atau akibat daripada apa-apa faktor dalam bentuk *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
51. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) yang timbul, berkenaan dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam Kempen ini termasuk disebabkan tidak menerima atau kelewatan dalam menerima khidmat pesanan ringkas ("*SMS*") oleh Peserta Yang Layak melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau dan keingkaran sengaja CIMB.
52. CIMB menyimpan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) ("*Pindaan*") mana-mana terma-terma dan syarat-syarat di sini. Notifikasi kepada Peserta Yang Layak berkenaan dengan Pindaan boleh dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, dengan paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB dan cawangan-cawangan CIMB di mana peruntukan terperinci berhubung Pindaan tersebut boleh diberikan dalam notis itu sendiri atau boleh diberikan

kepada Peserta Yang Layak atas permintaan; atau melalui iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Yang Layak dari tarikh notifikasi tersebut atau dari tarikh lain seperti yang boleh dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi. Peserta Yang Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

53. Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Peserta Yang Layak untuk sebarang kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada pindaan, perubahan, pemadaman, penambahan atau pengubahan Terma-terma dan Syarat-syarat di sini.
54. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 52) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB semasa yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
55. Terma-terma dan Syarat-syarat ini tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana perbadanan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berhubung dengan atau yang terpakai bagi Kempen atau apa-apa perkara yang terkandung di sini.
56. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Yang Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad telah dipilih oleh Peserta Yang Layak untuk mengawal operasi Akaun Kad Kredit Penyertaan Peserta Yang Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.
57. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Peserta Yang Layak): CIMB Bank / CIMB Islamic Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan / Tel: 603 6204 7788 / Faks: 603 2691 3248 / cru@cimb.com.